

Terms and Conditions
AmBank/AmBank Islamic Balance Transfer Programme

This Balance Transfer Programme Terms and Conditions will take effect from 1 May 2023.

REMINDER: The Cardholder (as defined below) is hereby reminded to read and understand the terms and conditions below and additional terms and conditions (if any), which is available at www.ambank.com.my. If the Cardholder does not understand any of the terms and conditions stated herein, the Cardholder is advised to discuss with the Bank's staff or authorised representative.

The terms and conditions herein (“**Terms and Conditions**”) are in addition to and are to be read together with the AmBank (M) Berhad, Company Registration Number: 196901000166 (8515-D) / AmBank Islamic Berhad, Company Registration Number: 199401009897 (295576-U) (collectively referred to as “**Bank**”) relevant credit card/credit card-i agreement(s) (collectively referred to as “**Cardholder Agreement**”) which govern the use of the credit card/credit card-i issued by the Bank. In the event of any discrepancy or inconsistency between these Terms and Conditions and the Cardholder Agreement, these Terms and Conditions will prevail in so far as it relates to the Programme (as defined below).

Words denoting “person” shall include living persons and, if and where applicable, body or persons incorporated or unincorporated. Words importing the singular shall also include the plural and vice-versa. Words importing the masculine gender shall include the feminine and neuter gender.

The term ‘Associate Corporations’ shall have the same meaning assigned to it under Section 2(1) of the Financial Services Act 2013 or the Islamic Financial Services Act 2013, where applicable. The term ‘Related Corporations’ shall have the same meaning assigned to it under Section 7 of the Companies Act 2016.

1. The Balance Transfer Programme (“**Programme**”) is a programme made available to the principal cardholders of the Bank (“**Cardholder**”) whose account is regularised (not in default) and has available credit limit at the time of application (excluding Debit Card, Prepaid Card, Corporate and Commercial Card).
2. A minimum amount of **RM1,000.00** is required for the purpose of any balance transfer from other credit card/credit card-i/charge card from other issuers/financial institutions. Approval is subject to Cardholder’s available credit limit.
3. The instalment tenures offered under this Programme are **6, 12, 24, 36, 48 or 60 months** or such other period as specified by the Bank from time to time.
4. A special interest/management fee¹ rate of **4.88% flat per annum for Balance Transfer** (equivalent to **effective interest/management fee rate of 8.32% - 6-months; 8.89% - 12-months; 9.11% - 24-months; 9.10% - 36-months; 9.03% - 48-months and 8.95% - 60-months**) will be charged to the Cardholder’s account based on the amount approved. This is a one-time interest/management fee rate and will be calculated upfront on the principal amount and will be billed over a period of 6, 12, 24, 36, 48 or 60 months instalment as selected.

Example:

Approved Balance Transfer Amount: RM10,000.00

Approved Tenure: 12 months

Monthly Instalment: $[RM10,000 + (RM10,000 \times 4.88\% \times 1 \text{ year})] / 12 \text{ months} = RM874 \text{ per month}^*$

¹ Conventional terminologies are applicable to AmBank product, whilst Islamic terminologies are applicable to AmBank Islamic product.

Terms and Conditions
AmBank/AmBank Islamic Balance Transfer Programme

*The first month's instalment amount may be slightly higher than the subsequent months due to rounding adjustment.

5. **The Balance Transfer amount shall be treated as a retail transaction.** According to the Card Agreement, if the instalment amount is not paid in full by the payment due date, the prevailing card interest/management fee rate/fee/finance charge or such rate as prescribed by the Bank from time to time will be chargeable on the outstanding amount remaining unpaid on the due date from the posting date until the full payment is credited into the Cardholder's account.
6. The Bank shall be entitled to debit **RM100.00** from the Cardholder's account for **any early settlement** of the amount ahead of the instalment tenure (not applicable to AmBank TRUE Visa Card, AmBank BonusLink Visa Card and AmBank M-Card). All outstanding instalments with its respective interest/management fee for the entire tenure shall immediately become due and payable in any early settlement. For the avoidance of doubt, any cancellation of the Card shall be regarded as an early settlement under the Programme and the Bank shall similarly be entitled to debit the amount of RM100.00 from the Cardholder's account and shall have the right to claim and be paid with all outstanding instalments together with its respective interest/management fee for the entire tenure, due to the aforesaid reason.
7. The Bank shall have the discretion to vary, amend, delete or add to any of these Terms and Conditions specifically set out herein with prior notice of not less than twenty-one (21) calendar days to the Cardholders. If the Cardholder is not agreeable to such variation and change, the Cardholder is required to notify the Bank within twenty-one (21) calendar days from the date of notice by the Bank and terminate or suspend the use of the Card and pay all sums due to the Bank in full. In the event the Cardholder continues to use the Card, twenty-one (21) calendar days after the notice of variation by the Bank, the Cardholder shall be deemed to have accepted the changes and amendments to the Terms and Conditions. The Programme may be replaced in whole or in part by another Programme at the Bank's discretion, with at least twenty-one (21) calendar days' notice to Cardholders before the new Terms and Conditions take effect.
8. Regardless of whether an event of default has occurred, the Bank shall be entitled at its discretion at any time, with at least twenty-one (21) calendar days' notice to Cardholders, terminate the Programme made available to the Cardholder. Subsequently, all outstanding monthly instalments with the respective interest/management fee shall immediately become due and payable upon the Bank's demand of the same by notice in writing to the Cardholder. All such outstanding Balance Transfer amount will be shown in the monthly statement and the Cardholder shall pay the same in accordance with the provisions of the Card Agreement. In default of which by the Cardholder, the Bank shall be entitled to exercise its rights under Card Agreement.
9. The Bank may defer, suspend or reject any application for the Programme if the outstanding balance or the amount applied exceeds the Cardholder's credit limit or the outstanding balance or the amount applied does not meet the minimum prescribed transfer or request amount or if the Cardholder's account has insufficient available balance. Where the Cardholder's application is successful, payment to loan/financing accounts with the other credit card/credit card-i issuers / financial institutions in the case of Balance Transfer in the manner provided herein.
10. Signature of the Cardholder on the application form or consent obtained via phone call will be deemed conclusive proof of the Cardholder's instruction to the Bank to directly settle and pay the outstanding balance to the respective credit card issuers/financial institutions, on behalf of the Cardholder for the purpose of this Programme.

Terms and Conditions
AmBank/AmBank Islamic Balance Transfer Programme

11. The Cardholder's existing credit limit will be reserved for the approved amount and shall not be available to the Cardholder until it is progressively restored by the Bank on a monthly basis as payment of each instalment amount is made.
12. For the purpose of this Programme, the below terms and conditions apply:
 - a) It is applicable to outstanding balance transferred from other credit card/credit card-i or charge cards issued in Malaysia only.
 - b) Payment to the respective card issuer/financial institution(s) shall be effected by the Bank upon approval of the Cardholder's application. The amount payable is as stated on the application form.
 - c) Payment of the approved amount will be made to the respective card issuers/financial institutions via issuance of cashier's order/banker's draft or direct transfer to the respective card issuers/financial institutions' account via Interbank GIRO.
 - d) Notwithstanding the Terms and Conditions herein, the Cardholder shall continue and remain liable to the respective card issuers/financial institutions for the facilities enjoyed by the Cardholder in accordance with the terms governing the same.
 - e) Until the Balance Transfer application is successfully approved and funds successfully remitted by the Bank to the respective financial institution, the Cardholder shall continue to be liable to make payment on their other credit card/credit card-i account(s) in accordance with the terms governing the same. The Bank shall not be liable for interest/management fee or any other charges imposed as a result of the Cardholders' failure or delay in making payment. The Cardholder shall continue to be directly liable to their respective banks and/or financial institutions for all other outstanding balances (principal, accrued interest/management fee, finance/management fee and other charges) on their other credit card/credit card-i account(s), whether such outstanding balances have been incurred before or after the Bank's approval of the Cardholders' application for the Balance Transfer.
 - f) The Bank has the right to approve amount applied in full or in part.
13. For the avoidance of doubt, AmBonus/BonusLink Points will not be awarded for any transactions under this Programme.
14. Any cancellations of the Cardholder's application which has been approved by the Bank will not be entertained.
15. To the extent permitted by law, the Bank shall not be liable to the Cardholder(s) when any Force Majeure event occurs. "Force Majeure" refers to any unforeseen events and/or circumstances not within the reasonable control of the Bank, which the Bank is unable to prevent, avoid or remove including natural disasters such as flood, typhoon, hurricane, storm, tempest, volcanic eruption, earthquake, landslide, landslip, subsidence or sinking of the soil or earth or acts of public unrest such as strikes, lock out, industrial disturbances, riots, wars, pandemic, epidemic and each of which is beyond the control of either Party or such other event, condition or circumstances of similar nature as may be classified as Force Majeure by the Bank from time to time.
16. This Terms and Conditions stipulated herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia. All parties submit to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia for any disputes arising out of this Terms and Conditions.
17. Cardholders are required to visit www.ambank.com.my, from time to time for the latest Terms and Conditions of the Programme.

Terms and Conditions
AmBank/AmBank Islamic Balance Transfer Programme

18. The Cardholder is hereby reminded to read and understand the Terms and Conditions in this Programme before signing up. The Cardholder is also advised to seek and obtain its own independent legal advice.
19. The Bahasa Malaysia version of this Terms and Conditions are also available. In the event of any discrepancies or conflict in the interpretation of this Terms and Conditions, the English and Bahasa Malaysia versions of each of these Terms and Conditions shall be construed as equivalent and each of the Terms and Conditions stipulated shall carry the same meaning.
20. For any assistance and/or feedback, the Cardholder may contact the Bank's Contact Centre at +603 - 2178 8888 (Monday - Sunday, 7.00 a.m. to 11.00 p.m.) or email to customercare@ambankgroup.com.

Terma dan Syarat **Program Pindahan Baki AmBank/AmBank Islamic**

Terma dan Syarat Program Pindahan Baki ini akan berkuat kuasa mulai 1 Mei 2023.

PERINGATAN: Pemegang Kad (seperti yang ditentukan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat (jika ada) yang terdapat di www.ambank.com.my. Jika Pemegang Kad tidak faham sebarang terma dan syarat di sini, Pemegang Kad dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana pekerja atau wakil sah Bank.

Terma dan Syarat di sini ("**Terma dan Syarat**") adalah tambahan kepada dan untuk dibaca bersama dengan perjanjian kad kredit/kredit kad-i ("**Perjanjian Pemegang Kad**") Syarikat AmBank (M) Berhad No. Pendaftaran: 196901000166 (8515-D) ("**AmBank**") dan Syarikat AmBank Islamic Berhad No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U) ("**AmBank Islamic**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") yang mentadbir ke atas penggunaan kad kredit/kredit kad-i yang dikeluarkan oleh AmBank/AmBank Islamic ("**Kad**"). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakseragaman di antara Terma dan Syarat dan Perjanjian Pemegang Kad, Terma dan Syarat ini akan berkuatkuasa setakat yang berkaitan dengan Program ini (seperti yang ditentukan di bawah).

Sebarang rujukan dalam Terma dan Syarat ini kepada orang hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai mana-mana orang, firma, syarikat, perbadanan, kerajaan, agensi negara atau mana-mana persatuan atau perkongsian (sama ada atau tidak mempunyai personaliti undang-undang yang berasingan) untuk dua atau lebih daripada yang telah disebutkan. Perkataan yang mengimport tunggal juga harus termasuk majmuk dan sebaliknya. Perkataan yang mengimport jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin dan neuter.

Istilah "Syarikat Bersekutu" akan membawa maksud yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 2(1) dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 mengikut mana-mana yang berkenaan. Istilah "Syarikat Berkaitan" akan membawa maksud yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 7 dalam Akta Syarikat 2016.

1. Program Pindahan Baki ("**Program**") adalah program yang disediakan kepada pemegang kad utama Bank ("**Pemegang Kad**") dan akaunnya sudah dilaraskan (tidak mungkir) serta mempunyai had kredit sedia ada pada masa permohonannya (tidak termasuk Kad Debit, Kad Prabayar, Kad Korporat dan Kad Komersil).
2. Amaun minima **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00)** diperlukan untuk tujuan pemindahan baki dari kad kredit/kad kredit-i/kad caj pengeluar kad/institusi kewangan yang lain. Kelulusan adalah tertakluk kepada had kredit sedia ada Pemegang Kad.
3. Tempoh ansuran Program adalah ditetapkan pada **6, 12, 24, 36, 48 dan 60 bulan** atau tempoh lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
4. Kadar faedah/yuran pengurusan¹ khas sebanyak **4.88% setahun untuk Pindahan Baki** (yang menyamai **kadar faedah/yuran pengurusan efektif pada 8.32% - 6 bulan; 8.89% - 12 bulan; 9.11% - 24 bulan; 9.10% - 36 bulan; 9.03% - 48 bulan dan 8.95% - 60 bulan**) akan dicajkan ke dalam akaun Pemegang Kad berasaskan pada amaun yang diluluskan. Ini adalah kadar faedah/yuran pengurusan yang dikira sekali sahaja terhadap amaun prinsipal, dan akan dibilkan bersama tempoh ansuran selama 6, 12, 24, 36, 48 atau 60 bulan.

Contoh:

Amaun Pindahan Baki Yang Diluluskan: RM10,000.00

¹ Terminologi konvensional terpakai untuk produk AmBank, manakala terminologi Islamik terpakai untuk produk AmBank Islamic.

Terma dan Syarat
Program Pindahan Baki AmBank/AmBank Islamic

Tempoh Yang Diluluskan: 12 bulan

Ansuran Bulanan: $RM10,000 + (RM10,000 \times 4.88\% \times 1 \text{ tahun}) / 12 \text{ bulan} = RM874 \text{ sebulan}^*$

*Amaun ansuran bulan pertama mungkin lebih tinggi daripada ansuran bulanan berikutnya disebabkan oleh pelarasan pembundaran.

5. **Amaun Pindahan Baki akan dianggap sebagai transaksi pembelian runcit.** Selaras dengan Perjanjian Kad, sekiranya bayaran ansuran tidak diterima sepenuhnya pada tarikh akhir bayaran, kadar faedah/yuran pengurusan kad yang berkuatkuasa atau kadar seumpamanya, seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak yang belum dibayar pada tarikh akhir dari tarikh catatan sehingga bayaran penuh dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad.
6. Bank berhak untuk mendebit **Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100)** daripada akaun Pemegang Kad bagi sebarang **penjelasan amaun ansuran yang lebih awal** daripada tempoh ansuran (tidak terpakai untuk Kad AmBank TRUE Visa, Kad AmBank BonusLink Visa dan AmBank M-Card). Semua ansuran bulanan tertunggak bersama dengan kadar faedahnya/kadar yuran pengurusannya, akan serta-merta matang tempohnya, dan perlu dijelaskan sepenuhnya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan kad akan dianggap sebagai penjelasan awal di bawah Program dan Bank juga berhak untuk mendebit Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) daripada akaun Pemegang Kad dan berhak untuk menuntut dan dibayar dengan segala ansuran tunggakan bersama faedah/yuran pengurusan/kos masing-masing untuk keseluruhan tempoh, akibat daripada sebab tersebut di atas.
7. Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah sebarang Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad. Sekiranya Pemegang Kad tidak bersetuju dengan pindaan dan pertukaran tersebut, Pemegang Kad dikehendaki memberikan notis kepada Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh notis pihak Bank dan menamatkan atau menggantung penggunaan dan membayar kesemua jumlah tertunggak kepada pihak Bank. Sekiranya Pemegang Kad terus menggunakan kad tersebut dua puluh satu (21) hari kalendar selepas tarikh notis perbezaan dan pertukaran oleh pihak Bank, Pemegang Kad adalah dianggap telah menerima pertukaran dan pindaan Terma dan Syarat. Program ini boleh digantikan secara keseluruhannya atau sebahagiannya dengan program lain menurut budi bicara Bank, dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad sebelum Terma dan Syarat baharu berkuatkuasa.
8. Tanpa mengira sama ada peristiwa mungkir telah berlaku, dengan budi bicara pada bila-bila masa, Bank berhak menamatkan Program yang disediakan kepada Pemegang Kad dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad. Selepas itu, semua ansuran bulanan tertunggak bersama dengan kadar faedahnya/yuran pengurusan, akan serta-merta matang tempohnya, dan perlu dijelaskan sepenuhnya, sebaik sahaja notis tuntutan pembayaran secara bertulis telah dihantar kepada Pemegang Kad. Kesemua amaun tertunggak di bawah Pelan Pembayaran Pindahan Baki serta jumlah faedahnya/yuran pengurusannya akan dinyatakan dalam penyata bulanan. Menurut peruntukan Perjanjian Kad, Pemegang Kad adalah dikehendaki untuk menjelaskan amaun tersebut. Sekiranya dimungkir oleh Pemegang Kad, Bank berhak melaksanakan haknya seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Kad tersebut.
9. Mengikut budi bicaranya, Bank berhak menagguh, menggantung atau menolak mana-mana permohonan Program sekiranya baki belum jelas atau amaun yang dipohon melebihi had kredit Pemegang Kad atau baki belum jelas atau amaun yang dipohon tidak memenuhi amaun minima

Terma dan Syarat
Program Pindahan Baki AmBank/AmBank Islamic

pindahan yang ditetapkan, atau akaun Pemegang Kad mempunyai baki yang tidak mencukupi. Sekiranya permohonan Pemegang Kad telah Berjaya, pembayaran akan dimasukkan ke akaun pinjaman/pembiayaan dengan pengeluar kad kredit/kad kredit-i/institusi kewangan lain dalam Pemindahan Baki dengan cara yang diperuntukkan di sini.

10. Tandatangan Pemegang Kad pada borang permohonan atau persetujuan Pemegang Kad yang diperolehi oleh Bank melalui panggilan telefon akan dianggap sebagai bukti muktamad arahan Pemegang Kad kepada Bank untuk menjelaskan dan membayar baki belum dibayar kepada pengeluar kad kredit/institusi kewangan yang lain bagi pihak Pemegang Kad untuk tujuan Program ini.
11. Had kredit Pemegang Kad akan diperuntukkan untuk amaun yang telah diluluskan. Oleh itu, had kredit tidak akan tersedia kepada Pemegang Kad tetapi akan ditambah secara progresif setiap bulan mengikut penjelasan ansuran bulanan yang dilakukan oleh Pemegang Kad.
12. Untuk tujuan Program ini, terma dan syarat di bawah terpakai:
 - a) Hanya boleh digunakan untuk Pindahan Baki belum dibayar untuk kad kredit/kad kredit-i atau kad caj lain yang dikeluarkan di Malaysia sahaja.
 - b) Pembayaran kepada pengeluar kad kredit/institusi kewangan masing-masing akan dilaksanakan oleh Bank sebaik sahaja permohonan Pemegang Kad diluluskan. Jumlah yang perlu dibayar adalah seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan.
 - c) Pembayaran amaun yang diluluskan akan dibayar kepada pengeluar kad kredit/institusi kewangan masing-masing melalui pengeluaran perintah juruwang/draf bank atau pemindahan terus ke akaun pengeluar kad/institusi kewangan melalui Interbank GIRO.
 - d) Walau apa yang terkandung dalam Terma dan Syarat di dalam dokumen ini, Pemegang Kad hendaklah terus dan kekal bertanggungjawab terhadap pengeluar kad kredit/institusi kewangan lain, ke atas kemudahan yang dinikmati oleh Pemegang Kad menurut terma dan syarat yang mentadbir perkara yang sama.
 - e) Sehingga permohonan Pemindahan Baki berjaya diluluskan dan dana berjaya dibayar oleh Bank kepada institusi kewangan masing-masing, Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab untuk membuat pembayaran pada akaun kad kredit/kad kredit-i yang lain menurut terma dan syarat yang mentadbir perkara yang sama. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kadar faedah/yuran pengurusan atau caj-caj lain yang dikenakan akibat kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad dalam membuat pembayaran. Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab secara langsung kepada bank dan/atau institusi kewangan masing-masing yang mengeluarkan kad kredit/kad kredit-i yang lain untuk semua baki tertunggak (pokok, kadar faedah, yuran pengurusan, pengurusan fi dan caj-caj lain) pada akaun kad kredit/kad kredit-i yang lain, sama ada baki tertunggak tersebut berlaku sebelum atau selepas Bank meluluskan permohonan Pemegang Kad untuk Pemindahan Baki.
 - f) Bank berhak untuk meluluskan keseluruhan atau sebahagian daripada amaun yang dipohon.
13. Untuk mengelakkan keraguan, mata AmBonus/BonusLink tidak akan diberikan untuk sebarang transaksi yang dilakukan di bawah Program ini.
14. Sebarang pembatalan untuk permohonan Pemegang Kad yang telah diluluskan oleh Bank tidak akan dilayani.
15. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad sekiranya berlaku *Force Majeure*. "*Force Majeure*" merujuk kepada sebarang kejadian yang berlaku di luar kawalan Bank yang sewajarnya, di mana pihak Bank tidak boleh

Terma dan Syarat
Program Pindahan Baki AmBank/AmBank Islamic

mencegah, mengelak atau membuang termasuk bencana alam seperti banjir, ribut, taufan, angin ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, tenggelaman atau tenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industri, rusuhan, perang dan pandemik, wabak, yang masing-masing berada di luar kawalan kedua-dua pihak atau peristiwa, keadaan atau keadaan lain yang serupa yang mungkin dikelaskan sebagai *Force Majeure* oleh Bank dari semasa ke semasa.

16. Terma dan Syarat ini yang ditetapkan di sini harus ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Semua pihak menyerah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia untuk sebarang pertikaian yang timbul daripada Terma dan Syarat ini.
17. Pemegang Kad dikehendaki melayari www.ambank.com.my , dari semasa ke semasa untuk Terma dan Syarat program terkini.
18. Pemegang Kad dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat dalam Program ini sebelum membuat pendaftaran. Pemegang Kad dinasihati untuk mencari dan mendapatkan nasihat undang-undang sendiri.
19. Versi Bahasa Inggeris bagi terma dan syarat ini juga tersedia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik dalam tafsiran Terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap Terma dan Syarat ini akan ditafsirkan sebagai setara dan setiap Terma dan Syarat yang ditetapkan akan membawa maksud yang sama.
20. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas, Pemegang Kad boleh menghubungi pihak Bank melalui Pusat Panggilan kami di +603 - 2178 8888 (Isnin - Ahad, 7.00 a.m. to 11.00 p.m.) atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.